

# Megat Junid dilantik Ketua Penerangan UMNO

MAY 11 2002  
Oleh ABDUL HAMID MOHAMMAD

KUALA LUMPUR 10 Mei — Tan Sri Megat Junid Megat Ayub dilantik sebagai Ketua Penerangan UMNO yang baru menggantikan Datuk Mustapa Mohamed yang melepaskan jawatan itu bulan lalu.

Pelantikan Megat Junid yang pernah tewas pada pemilihan Majlis Tertinggi (MT) UMNO bagi penggal 2000-2003 mengambil kira pengalaman luasnya dalam perjuangan parti itu.

Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika mengemukakan berkata, pelantikan itu dipersetujui oleh Majlis Tertinggi (MT) UMNO pada mesyuaratnya hari ini.

"MT bersetuju melantik Tan Sri Megat Junid sebagai Ketua Penerangan UMNO yang baru," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat itu hari ini.

Dr. Mahathir berkata, pelantikan bekas Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna itu dibuat atas dasar pengalaman luas Megat Junid dalam UMNO.

Menurut beliau, Megat Junid berkemampuan untuk menjelaskan perkembangan serta isu-isu semasa bersabit dengan parti kepada ahli-ahlinya yang kini berjumlah kira-kira 2.8 juta orang.

"Yang pertamanya dia boleh bercakap (berkemampuan menjelaskan isu semasa UMNO) kalau tak boleh tentu kita tak bagi," katanya.

Selain sudah lama menjadi ahli UMNO,

■ Lihat muka 4

## Megat Junid dilantik Ketua Penerangan UMNO,

kata Perdana Menteri, Megat Junid juga pernah menganggotai MT UMNO.

"Beliau masih berada di luar negara. Tunggulah dia balik esok," kata Dr. Mahathir ketika ditanya sama ada Megat Junid sudah dimaklumkan mengenai pelantikannya itu.

Megat Junid digugurkan daripada Kabinet selepas tewas dalam persaingan merebut kerusi Parlimen Parit pada pilihan raya umum 1999.

Beliau adalah antara empat menteri Kabinet daripada UMNO yang gagal mempertahankan kerusi Parlimen masing-masing pada pilihan raya itu.

Dalam pada itu, Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memberitahu, MT telah meluluskan penubuhan 44 buah cawangan UMNO baru di seluruh negara.

Menurutnya, pengurusan UMNO akan meningkatkan usaha untuk menambahkan ahli Pergerakan Pemuda, Puteri dan Wanita di setiap negeri.

"Kita akan adakan kempen untuk tambah ahli dengan menumpukan perhatian terhadap golongan muda," katanya.

Dalam perkembangan lain, ketika ditanya sama ada kerjasama antara UMNO dan Pas mengenai isu Palestin akan membawa kepada penyatuan yang lebih erat antara kedua-dua parti, Dr. Mahathir berkata:

"UMNO sentiasa mengalu-alukan kerjasama dengan Pas dalam soal itu tetapi ia tidak bermakna UMNO kini mempunyai pendapat yang sama (dengan Pas) dalam semua perkara."

Katanya, perbezaan pendapat tetap wujud antara UMNO dan Pas dan selagi tiada pendapat yang sama dalam perkara itu adalah agak sukar untuk kedua-dua parti bersatu-padu.

"Kita boleh berusaha ke arah itu jika mereka juga bersedia melakukannya. Boleh terdapat bidang-bidang yang kita tidak harus bertelagah antara satu sama lain."

"Ini seperti isu penguasaan ilmu dan pendidikan. Tetapi kalau Pas mengatakan ilmu tak penting, itu kita tidak boleh terima," katanya.

Dr. Mahathir berkata, usaha perpaduan antara orang Melayu memang dialu-alukan tetapi ia mestilah mempunyai asas yang kukuh seperti berkenaan isu kekejaman Israel terhadap penduduk Palestin.

"Dalam soal ini kita tidak ada masalah untuk bekerjasama dengan Pas atau sesiapa sahaja dalam usaha menentang tindakan Israel terhadap Palestin," tegas beliau.

Dr. Mahathir berkata, UMNO sejak awal lagi telah memperjuangkan penyatuan antara orang Melayu berdasarkan usahanya menyatupadukan sokongan negeri-negeri Melayu untuk menghadapi cabaran Malayan Union, mengalahkan penjajah British dan seterusnya mencapai kemerdekaan untuk negara ini.

"Ini perlu diiktiraf oleh semua pihak," katanya.

Ketika ditanya sama ada UMNO akan mengambil inisiatif supaya kedua-dua parti boleh mencajai kata senakat, Dr. Mahathir berkata, pihaknya telah berusaha ke arah itu tetapi kurang mendapat sambutan.

"Kalau ada respons, OK sikit, kita (UMNO dan Pas) boleh duduk dan bincang untuk cari satu jalan yang baik," katanya.

Menjawab soalan sama ada siri syarahan Perdana mengenai isu Palestin yang menggabungkan pemimpin kedua-dua parti seperti yang diadakan di sini pada 8 Mei lepas akan dilanjutkan ke negeri-negeri, Dr. Mahathir berkata, ia tidak perlu.